

E-BULETIN EDISI 1/2023

A K E P T

BENGKEL SEMAKAN STRUKTUR MODUL PROGRAM TALENT MANAGEMENT FOR EXCELLENCE (TaME)

*Silibus dan penyampaian yang terkini
elemen penting*



UNIVERSITY LEADERS ENTREPRENEURIAL EDUCATORS' BOOTCAMP (UNILEEB)

Entrepreneurship is our thrust



Ruang Bicara Wacana Akademia

*Kupasan isu-isu
berkaitan pendidikan
tinggi negara dalam
mengupayakan
kepimpinan yang
bertransdormatif*

AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

VISI

Menjadi akademi rujukan utama dalam kepemimpinan pendidikan tinggi

MISI

Membangunkan pemimpin melalui inisiatif kepemimpinan yang holistik ke arah kecemerlangan pendidikan tinggi

TERAS UTAMA

Calibre, Agile & Passion

PERANAN

Menginstitusikan pengurusan bakat kepemimpinan berasaskan kompetensi yang komprehensif

Merancang dan melaksanakan program pembangunan berdasarkan AKEPT Leadership Framework

Mewujudkan platform perkongsian pengetahuan dan menjadi landasan bagi pemikir dalam kepemimpinan pendidikan tinggi

PENGURUSAN TERTINGGI



**DATO' PROF. DR.
NASRUDIN MOHAMMED**
Pengarah



Azrul Izham Hamzah
Timbalan Pengarah
Pusat Kelestarian Kepimpinan



**ASSOC. PROF DR.
NORAZHARUDDIN SHAH
ABDULLAH**
Timbalan Pengarah
Pusat Pemprofilan
Kepimpinan



**PROF MADYA DR. AZILA
AHMAD SARKAWI**
Timbalan Pengarah
Pusat Pembangunan
Kepimpinan



**MDM. HANIS HUZAIRA ABD
HANAN**
Pendaftar

4 - 6 Januari 2023 - AKEPT dengan kerjasama UMP (UMP) dan UMP Advanced (UMPA) telah berjaya melaksanakan Bengkel Semakan Struktur Modul Program "Talent Management for Excellence" (TaME) selama tiga (3) hari bertempat di Kuala Lumpur.

Antara perkara yang dibincangkan dalam bengkel ini meliputi sesi perbincangan penanda aras modul, penetapan kriteria modul, pengemaskinian dokumen berkaitan dan verifikasi serta urusan pemindahan modul kepada sistem yang baharu yang dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya bermula Kohot TaME 5.0 nanti.



Menurut Dr Muhammad Asyraf Fauri @ Fauzi, Pensyarah Kanan UMP yang merupakan Ketua Program TaME 4.0, "TaME adalah program yang unik yang mengetengahkan pengurusan bakat berasaskan kompetensi (CBTM), dan ianya sangat penting kerana satu-satunya program yang membekalkan individu yang berpengetahuan yang akan membantu operasi pengurusan bakat di universiti awam. Syabas buat AKEPT dan UMP dalam menerajui inisiatif berpaksikan CBTM yang amat bermanfaat." Ujar beliau lagi, semakan silibus yang menyeluruh adalah amat penting bagi memastikan siri TaME seterusnya kekal relevan dan terkehadapan.

Ini juga dipersetujui oleh Prof Madya Dr. Yazrina Yahya, sebagai salah seorang penyampai program TaME 4.0. Beliau juga berpendapat "Silibus dan penyampaian yang terkini adalah elemen penting dalam pembelajaran matang sepanjang hayat. Elemen praktikal yang disulami kerangka teori akan memastikan ilmu dapat diaplikasi secara terus dan menyeluruh."



Bagi Ahmad Adi Asyraf Mohd Yusof, Eksekutif UMPA yang terlibat dengan pelaksanaan program TaME 4.0, inisiatif ini bukan hanya adalah satu kerjasama strategik, tetapi juga satu usaha yang berterusan untuk memurnikan agenda pengurusan bakat dalam ekosistem pendidikan tinggi negara. "Ini juga peluang UMPA untuk memberikan khidmat profesional yang berkualiti dalam membantu memurnikan ekosistem pendidikan tinggi negara."

AKEPT mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua barisan penceramah merangkap pembangun modul dari 20 Universiti Awam yang sudi melapangkan masa dan hadir ke bengkel ini. Begitu juga dengan barisan urus setia dari UMP dan UMPA yang bersama-sama berusaha keras membantu AKEPT menjayakan bengkel ini. Semoga dengan perbincangan seperti ini akan dapat memurnikan pengisian dan pelaksanaan program pada masa-masa akan datang.

Ini adalah merupakan antara usaha AKEPT dan rakan UA dalam membantu Kementerian memperkasakan pengurusan bakat dan kepimpinan pendidikan tinggi negara yang selaras dengan inisiatif Lonjakan 2, PPMPT 2015-2025 berkaitan kecemerlangan bakat, serta inisiatif membangunkan bakat masa hadapan sebagaimana yang direncanakan dalam Rancangan Malaysia ke-12.



11 Januari 2023 - Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) telah menjayakan webinar University Presidents Forum siri terakhir di platform Zoom dan juga ditayangkan secara langsung di halaman Facebook rasmi AKEPT. Webinar ini telah mendapat sambutan dengan seramai 217 penyertaan dari pelbagai negara melalui platform Zoom dan hampir 50 tontonan di Facebook AKEPT telah direkodkan.

Dengan tema Reimagining Internationalization in Higher Education Post COVID-19, program ini adalah untuk memberi pendedahan bagi agenda pengantarabangsaan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam pasca pandemik COVID-19 dari perspektif global. AKEPT ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profersor Karen O'Brien (Vice-Chancellor Durham University, United Kingdom), Professor Rocky S. Tuan (ViceChancellor the Chinese University of Hong Kong), YBrS. Prof. Mushtak Al-Atabi (Provos dan Ketua Pegawai Eksekutif Heriot-Watt University Malaysia) di atas perkongsian ilmu yang bermanfaat. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada moderator YBrS. Prof. Dr. Yvonne Lim Ai Lian (Penolong Naib Canselor (Jaringan Global), Universiti Malaya) yang telah mengendalikan sesi forum dengan sangat baik. Terima kasih diucapkan kepada urusetia.



12 - 16 Januari 2023 - Program UniLEEB Kohort 3 (Siri 2) telah diadakan pada 12 hingga 16 Januari 2023 di Pattani dan Hatyai, Thailand. Program ini dianjurkan oleh AKEPT dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Prince of Songkla University (PSU) ini disertai oleh 17 peserta daripada pelbagai universiti awam dan swasta seluruh negara yang merupakan sambungan Siri 1.



Pengisian bagi siri ini telah disampaikan oleh YBr. Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UMK Ketua Program UniLEEB, YBr. Prof. Dr. Farok Zakaria daripada PSU dan Encik Nik Masrul Hisyam Nik Muhammad, Timbalan Pengarah, Unit BioEkonomi Kitaran, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Peserta bagi siri ini juga telah didedahkan dengan lawatan ke perusahaan industri kecil di sekitar Pattani bagi meningkatkan pengetahuan peserta dan mencadangkan projek yang boleh memberi nilai tambah kepada perusahaan tersebut. Semoga peserta mendapat manfaat daripada siri ini untuk menyiapkan tugas yang telah diberikan.





13 Januari 2023 - AKEPT berbesar hati menerima kunjungan delegasi Bahagian Perkhidmatan, JPA yang diketuai oleh Puan Alifatul Kamilah Abdul Manan, Timbalan Pengarah Special Unit for High Potential Matter Expert (SUPREME). Sesi kunjungan ini merupakan platform terbaik bagi pertukaran pendapat dan percambahan idea di antara AKEPT dan JPA khususnya dalam konteks pengurusan bakat dan kepimpinan. Susulan daripada sesi kunjungan ini, AKEPT berharap agar jalinan kerjasama antara AKEPT dan JPA akan terus diperkukuh bagi memperkasa pengurusan bakat dan kepimpinan seiring dengan keperluan pembangunan negara semasa dan masa hadapan.





18 - 20 Januari 2023 - AKEPT dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menganjurkan Program Pembangunan Kerangka Penilaian Keberkesanan Latihan Kepimpinan AKEPT (PKPK) (Siri 2) dengan penglibatan 11 Ketua Program atau wakil di bawah Pusat Pembangunan Kepimpinan (CLD), AKEPT pada 18 hingga 20 Januari 2023. Bengkel ini telah dimulakan dengan kata alu-aluan yang disampaikan oleh YBr. Prof. Madya Dr. Azila binti Ahmad Sarkawi, Timbalan Pengarah CLD, AKEPT.



Program ini diadakan adalah untuk menambah baik keberhasilan program-program anjuran CLD, AKEPT supaya selaras dengan keperluan Kementerian Pendidikan Tinggi. Bengkel ini dilihat berjaya membantu Ketua Program dalam memantapkan modul-modul program yang sedang dan akan dilaksanakan nanti.



26 Januari 2023 - YBhg Tuan Haji Nassir Abdul Aziz, Ketua Pendaftar telah mengetuai delegasi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ketika sesi kunjungan hormat ke Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) yang berlokasi di Nilai, Negeri Sembilan.

Kunjungan hormat ini dilaksanakan bagi mendapatkan input dan perkongsian pandangan dalam merealisasikan penubuhan Akademi Latihan Kehakiman Syariah Malaysia (AKSM), JKSM. Sesi dialog ini dimulakan di ILKEM dengan penyampaian taklimat disampaikan oleh Encik Azarul Zaman Eliah, Ketua Program Akademik dan Kompetensi berhubung penubuhan ILKEM serta penjelasan berkenaan isu berbangkit daripada penubuhan institusi tersebut.

“Adalah dinasihatkan agar pihak JKSM meneliti setiap sudut pelan pembinaan, infrastruktur, kos dan keperluan latihan sedari awal cadangan penubuhan AKSM bagi mengelakkan timbulnya isu di kemudian hari. Untuk itu, adalah dicadangkan agar diwujudkan _task-force_ terutamanya dalam memastikan keperluan kursus/latihan sama ada dari aspek fizikal, reka bentuk dan perabot dapat dirancang dengan baik,” ujar beliau.

“Pada asalnya hanya terdapat 10 perjawatan di ILKEM, namun kami telah memohon pertambahan perjawatan kepada 42 orang bagi memastikan kursus/latihan dalam dikendalikan seoptimumnya. Manakala bagi urusan keselamatan, pembersihan dan katerer pula kami lantik syarikat/vendor luar,” tambah beliau lagi.





Seterusnya, pada sesi petang pula delegasi JKSM berkunjung ke AKEPT bagi mendapatkan pencerahan dan perkongsian pengalaman dalam pewujudan akademi latihan tersebut.

“AKEPT berbeza dengan kebanyakan institusi latihan lain. Ini kerana semenjak 2019 AKEPT dijenamakan semula sebagai sebuah agensi yang berdiri sendiri. Sehubungan itu, kami berperanan sebagai sebuah entiti khusus, mempunyai Pusat Tanggungjawab (PTJ) tersendiri serta perlu menjalankan fungsi sebagaimana jabatan lainnya seperti dalam

pengendalian Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP), Mesyuarat bersama Jabatan, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan lain-lain mesyuarat/plan jabatan,” ujar YBhg Puan Hanis Huzaira Abd Hanan, Pendaftar AKEPT semasa menyampaikan taklimat.





31 Januari 2023 - AKEPT berbesar hati menerima kunjungan dari Jabatan Sumber Manusia, KPTM yang diketuai oleh Encik Yusoff Mat Ali, Pengarah Kanan, Jabatan Sumber Manusia, KPTM dan diiringi oleh Puan Rosliza Manaf dan Encik Syafian Hadi Shahrudin.

Sesi kunjungan ini merupakan sesi perkongsian amalan baik pengurusan bakat dan kepimpinan institusi pendidikan tinggi yang dipertanggungjawabkan kepada AKEPT untuk dimanfaatkan oleh KPTM. Antara perkara yang dibincangkan meliputi pengurusan bakat (latihan dan pemprofilan kepimpinan) berasaskan kompetensi sehingga kepada peranan AKEPT sebagai pusat rujukan dan platform perkongsian ilmu agar dapat memperkasakan ekosistem pendidikan tinggi.

Susulan daripada sesi kunjungan ini, AKEPT berharap agar jalinan kerjasama antara AKEPT dan KPTM akan terus diperkukuh bagi memperkasa pengurusan bakat dan kepimpinan seiring dengan keperluan pembangunan negara semasa dan masa hadapan.





1 - 2 Februari 2023 - Changemaker Leadership Programme for Senior Administrators (CLaPSA) (Siri 2) telah berjaya diadakan pada 1 dan 2 Februari 2023 di AKEPT dengan kerjasama rakan kolaborasi daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Program ini dihadiri oleh 44 peserta yang terdiri daripada 21 Pegawai Skim N dan 23 Pegawai Skim W. Ucapan Perasmian program ini telah disampaikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Azila Ahmad Sarkawi, Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan (CLD), AKEPT.

Sebanyak 6 kumpulan yang terdiri daripada 3 kumpulan Skim N dan 3 kumpulan Skim W telah membuat pembentangan projek masing-masing dalam siri ini yang dikenali sebagai Simposium CLaPSA. 6 orang penilai yang diketuai oleh YBhg. Dato' Zulkiflee Othman, mantan Bendahari Universiti Putra Malaysia telah menilai pembentangan dalam simposium ini. 2 kumpulan terbaik adalah Neuvarsity dan Trailblazer bagi projek masing-masing, iaitu "Cadangan Penawaran Kursus Pentauliahkan Mikro (Micro-Credential) oleh Pakar Bidang (Subject Matter Expert) dalam Kalangan Pentadbir Universiti Awam" dan "Tacit Skill and Knowledge for Bursars". Ucapan Penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Prof. Dr. Mohd Radhi Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), USIM. Turut hadir ke program ini adalah YBhg. Dato' Muhammad Haizuan Rozali, Pendaftar USIM merangkap Ketua Program CLaPSA.





8 Februari 2023 - Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) telah menjayakan program Royal Address yang melibatkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah

sebagai penceramah terhormat utama bertempat di Asia- Europe Institute, UM.

Sultan Perak yang juga Canselor Universiti Malaya, DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah telah berkenan untuk mencemar duli bagi menyampaikan Titah Diraja bertajuk "Shaping University Leadership for The 21st Century Higher Education" anjuran Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan Universiti Malaya (UM) di sini pagi tadi.

Mengiringi keberangkatan baginda ialah YB. Dato' Mohammad Yusof Haji Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YBhg. Dato' Dr. Megat Ahmad Sany Megat Supian, TKSU (Dasar) KPT, YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor, Naib Canselor UM serta YBhg. Dato' Prof. Dr. Nasrudin Mohammed, Pengarah AKEPT.





Dalam titahnya, Sultan Nazrin telah mencadangkan 4 kunci kejayaan bagi IPT mengharungi cabaran abad ke-21 iaitu kejayaan IPT bukan sahaja merekrut pelajar cemerlang tapi juga mengekalkan dan melengkapi mereka untuk bersaing di pasaran global; fakulti-fakulti di IPT perlu tingkatkan kualiti untuk hasilkan kajian bermutu tinggi dan komited dalam menyampaikan ilmu; kewangan IPT mestilah kukuh dengan persekitaran kampus yang mampan; dan IPT perlu mewujudkan sebuah visi yang terbaik bagi membina kesetiaan dan kesediaan para alumni untuk kembali berbakti dan berbudi.

Baginda turut menyeru IPT untuk memperkasakan minda para siswazah dengan subjek Kemanusiaan yang pada pandangannya bukan sahaja mampu melahirkan graduan berkepakaran tinggi malah turut mempunyai kearifan untuk menghalakan kepakaran mereka kepada sesuatu yang produktif dan bermanfaat untuk umat manusia sejagat.

Hadir sama YBhg. Tan Sri Zarinah Anwar, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaya dan YBhg. Dato' Prof. Dr. Rajah Rasiah, Pengarah Eksekutif Institute Asia-Eropah UM.



7 - 9 Februari 2023 - Program Kepimpinan Inovasi dan Pengkomersialan Harta Intelek (InnoCoL) (Siri 1) telah berjaya diadakan pada 7 hingga 9 Februari 2023 di Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan penyertaan seramai 46 peserta daripada pelbagai Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seluruh Negara. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Prof. Dr. Russayani Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi, UUM).



Bagi pelaksanaan Siri 1 ini, peserta telah didedahkan dengan Modul Intellectual Property and Commercialisation. Turut hadir dalam program ini adalah YBrs. Prof. Madya Dr. Khadijah binti Mohamad, Penasihat Undang-Undang, UUM selaku penceramah program dan YBrs. Prof. Madya. Ts. Dr. Mohd Faizal Omar, Pengarah, Pusat Inovasi dan Pengkomersilan, UUM merangkap Ketua Program InnoCoL.



16 Februari 2023-

Satu sesi libat urus bersama Pendaftar dan Ketua Unit Bakat Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti telah diadakan pada pagi ini secara dalam talian. Objektif pelaksanaan sesi ini adalah untuk memaklumkan



hasrat, proses, gerak kerja dan fokus yang akan dilaksanakan oleh AKEPT pada tahun 2023. Platform seperti ini diharap akan dapat menjadi jambatan antara Kementerian, AKEPT dan institusi pendidikan negara. Antara perkara yang dikongsikan dalam sesi ini ialah berkaitan dengan senario semasa pengurusan bakat institusi pendidikan tinggi negara, kepentingan pelan penggantian yang dipetakan kepada 4 trek utama sebagaimana yang dinyatakan dalam Buku Oren (Program Transformasi Universiti), isu-isu berkaitan dasar pengurusan bakat universiti awam, penglibatan universiti swasta serta kepentingan untuk merancang sasaran kerja utama yang selari dengan 11 amanat YBM KPT dan juga mengharmonikan saranan YAB PM berkaitan Malaysia MADANI. Seramai 43 orang peserta telah hadir ke sesi ini.



19 - 22 Februari 2023 - Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dengan kolaborasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah menganjurkan Deputy Vice Chancellor Leadership Onboarding Programme (DVCLead) Kohot 2 bertemakan Aspiration, Trust, Champion and Synergy pada 19 hingga 22 Februari 2023 di Langkawi, Kedah.

Pada Majlis Penutup DVCLead Kohot 2 ini, kata alu-aluan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Nasrudin bin Mohammed, Pengarah AKEPT, manakala ucapan penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM.



Program ini diadakan sebagai latihan pembangunan dan pemerkasaan kepimpinan yang disasarkan kepada Timbalan Naib Canselor (TNC) dan Penolong Naib Canselor (PNC) daripada Universiti Awam dan Swasta merentasi portfolio yang berbeza seperti Akademik dan Antarabangsa, Penyelidikan dan Inovasi, Pelajar dan Alumni, Jaringan Industri dan Masyarakat serta Pembangunan. Pada tahun ini, 36 orang TNC dan PNC telah menyertai DVCLead Kohot 2 yang membincangkan topik Kepimpinan Universiti, Pembudayaan Nilai, Perkongsian Hala Tuju, Pengurusan Perubahan dan Pelaksanaan ESG dalam Pentadbiran Universiti serta pembentangan tugasan oleh peserta.



Panel penceramah berpengalaman telah diundang dalam memastikan impak keberkesanan program dapat dicapai. Dalam program ini peserta berpeluang memperoleh input-input berguna serta berkongsi isu dan cabaran yang dihadapi di universiti masing-masing bagi mendapatkan cadangan solusi daripada mentor-mentor yang telah dikenal pasti.



DVCLead diharap dapat membina jaringan kerjasama strategik dan membentuk sinergi antara AKEPT dan TNC serta PNC dalam memastikan pengetahuan dan kemahiran yang dirancang dapat diperkasakan sebagai kompetensi kritikal mereka agar seiring dengan kemajuan dan keperluan teknologi pendidikan tinggi global.

Pada program sama, peserta telah mengikuti Sesi Libat Sama Masyarakat bersama Komuniti Usahawan Kompleks Kraf dan Komuniti Pulau Tuba pada 21 Februari 2023. Ini merupakan tanggungjawab sosial korporat melibatkan penduduk tempatan sebagai nilai tambah kepada DVCLead. Turut berlangsung adalah perasmian Marine Research Centre (MAREC), iaitu pusat penyelidikan secara usaha sama antara UiTM dan Petronas di Pulau Tuba, Langkawi.





22- 23 Februari 2023 - AKEPT pada 22 dan 23 Februari 2023 dengan penyertaan 16 orang Pengarah dan Timbalan Pengarah daripada Pusat Keusahawanan, Zakat, Wakaf dan Endowmen pelbagai Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seluruh Negara. Siri akhir ini memberi fokus kepada pembentukan karekter pemimpin keusahawanan melalui perkongsian daripada penceramah dalam kalangan ahli akademik serta industri. Program UniLEEB ini diharap dapat memberi inspirasi kepada peserta dalam membangunkan institusi ke arah universiti yang lebih berciri keusahawanan.

Seterusnya, pada 24 hingga 26 Februari 2023, peserta Program UniLEEB telah menyertai Program Professional Character and Competency Building (ProCCB) di Pusat Latihan Kepimpinan UPM, Kem Kongkoi, Negeri Sembilan. Program ProCCB ini juga turut disertai oleh 10 pegawai daripada Unit Audit Dalam (UAD), Kementerian Pendidikan Tinggi.



Program ProCCB diakhiri dengan Ucapan Penutup oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Nasrudin bin Mohammed, Pengarah AKEPT pada 26 Februari 2023. Majlis Penutup ini dihadiri oleh YBrs. Prof. Dr. Nik Mahteran binti Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UMK merangkap Ketua Program UniLEEB, YBrs. Kol Dr. Hj. Zahimi bin Zainol Abidin (B), Pengarah, Pusat Kepimpinan dan Pembangunan Profesional, UPNM merangkap Ketua Program ProCCB, YBrs. Prof. Madya Dr. Azila binti Ahmad Sarkawi, Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan, AKEPT dan Puan Suhaila binti Yussuf, Timbalan Ketua UAD.





28 Februari 2023 - Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya menganjurkan program slot televisyen bertajuk Ruang Bicara Wacana Akademia melalui saluran BERNAMA TV. Sebanyak 3 slot ditampilkan dengan 3 topik berbeza iaitu; "Kepemimpinan IPT: Aspirasi dan Cabaran Semasa" yang diadakan pada 28 Februari 2023, "Kepemimpinan dan Kelestarian IPT" pada 1 Mac, dan "Akademia Muda dalam Kepemimpinan IPT" pada 15 Mac 2023. Pelaksanaan program melalui slot televisyen ini merupakan salah satu projek pemerkasaan jenama AKEPT di media yang bertujuan untuk mengangkat nama, peranan fungsi dan keterlihatan AKEPT melalui media

Ribuan terima kasih kami ucapkan kepada semua ahli panel yang terlibat iaitu YBhg. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar (Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi), YBhg. Dato' Prof. Dr. Nasrudin bin Mohammed (Pengarah AKEPT), YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian (Timbalan Ketua Setiausaha Dasar, KPT) dan YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan bin Haji Toriman (Naib Canselor UKM), YBhg. Prof. Ts. Dr. Massila Kamalrudin (Naib Canselor UTeM) dan YBhg. Prof. Madya Dato' Ts. Dr. Mohd Hafiz Yusoff (Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniSZA) atas kesudian berkongsi pandangan dan pengalaman dalam program ini.

Pihak AKEPT amat berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kejayaan pelaksanaan 3 slot televisyen tersebut terutamanya Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain selaku ketua projek, urusetia dari AKEPT dan BERNAMA TV.

Diharapkan wacana ilmiah seperti ini sedikit sebanyak membuka minda dan memberi kesedaran terhadap kepentingan usaha mengupayakan kepimpinan yang bertransformatif bagi memastikan sektor pendidikan tinggi negara dapat kekal relevan dengan arus perubahan pendigitalan dan kalis masa hadapan.



27 Februari - 1 Mac 2023 - Program Kecemerlangan Kepimpinan Ketua Pustakawan dan Timbalan Ketua Pustakawan Institusi Pendidikan Tinggi (ExceLib) Kohot 2 (Siri 1) telah berjaya diadakan di AKEPT mulai 27 Februari hingga 1 Mac 2023 dengan kehadiran 45 orang peserta yang terdiri daripada Ketua Pustakawan dan Timbalan Ketua Pustakawan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).



Program ExceLib Kohot 2 dianjurkan oleh AKEPT dengan kolaborasi strategik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diketuai oleh Cik Rohaya Umar, Ketua Pustakawan, UKM.



Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Azila binti Ahmad Sarkawi, Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan, AKEPT. Turut hadir ke majlis perasmian ini adalah Encik Azman bin Hashim, Ketua Pustakawan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam (JKPUA).


6 - 8 Mac 2023 - Program Kepimpinan Inovasi dan Pengkomersialan Harta Intelekt (InnoCoL) (Siri 2) telah diadakan di Alor Setar, Kedah pada 6 hingga 8 Mac 2023. Program ini telah dihadiri oleh 41 peserta daripada pelbagai Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Siri ini merupakan kesinambungan daripada Siri 1 yang telah diadakan pada Februari lepas.

Ucapan Pembukaan Siri 2 telah disampaikan oleh YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Faizal Omar, Pengarah, Pusat Inovasi dan Pengkomersialan, UUM merangkap Ketua Program InnoCoL.




6 - 7 Mac 2023 - AKEPT dan UMP telah berjaya menganjurkan Modul 8 TaME siri 2022-2023, bertajuk 'Membina Satu Ekosistem Perancangan Penggantian Berasaskan Kompetensi'. Modul dua hari ini telah disampaikan secara atas talian oleh Encik Azizi Ismail (UPM) dan Encik Muhammad Tasyrif Ghazali (UMP) pada 6 dan 7 Mac 2023, melalui aplikasi Zoom.

Modul ini telah menjelaskan kepada para peserta akan kepentingan sebuah ekosistem perancangan penggantian berasaskan kompetensi spesifik, terangkum dalam persepektif sebuah institusi pengajian tinggi. Para peserta juga telah diberikan kefahaman untuk menentukan jawatan-jawatan kritikal yang memerlukan perancangan penggantian, di samping merintis laluan-laluan yang boleh diambil dengan tujuan membangunkan dan menambahbaik kompetensi individu, selari dengan keperluan pelan penggantian.



AKEPT dan UMP, selaku penganjur, ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua penyampai yang telah berjaya melaksanakan sesi pembelajaran aktif yang cemerlang, perbincangan dalam kumpulan yang dinamik, serta input yang mendalam serta praktikal bagi pembentangan para peserta. Terima kasih juga diucapkan kepada para peserta di atas penyertaan aktif mereka sepanjang sesi berlangsung.

AKEPT akan sentiasa terkehadapan dalam menghasilkan pemimpin institusi melalui berbagai inisiatif yang inovatif dan praktikal. AKEPT juga akan terus mendokong ekosistem Pendidikan Tinggi negara bagi memastikan pemimpin institusi akan disediakan sebaiknya dan disokong, seawal yang mungkin.



13 Mac 2023 - AKEPT dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah berjaya mengadakan Perbincangan Meja Bulat Kepimpinan dan Insan Sejahtera secara hibrid di Dewan Senat, Bangunan Muhammad Abdul Rauf UIAM dan juga melalui Zoom. Program sehari ini telah mengumpulkan Pakar Perkara (PKS) yang terkenal bersama pemerhati terpilih daripada pelbagai latar belakang dari ahli akademik dan industri yang berpengalaman dalam kepimpinan dan penglibatan pekerja di sekeliling mereka. Sebagai rumusan, adalah penting bagi pemimpin IPT untuk meneroka kemahiran kepimpinan dan kecekapan yang diperlukan untuk menyemai Insan Sejahtera. Tidak dinafikan, pemimpin institusi perlu menambah baik, membangun dan mengamalkan budaya organisasi terbaik ke arah menyumbang kepada kesihatan, kesejahteraan dan keseimbangan pekerja dalam setiap aspek.

Setinggi-tinggi penghargaan kami tujukan kepada semua PKS, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak (Rektor, UIAM), Prof. Datuk Ir. Ts. Dr Ahmad Fauzi Ismail (Naib Canselor UTM), Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff (Bank Islam Malaysia Berhad), Prof. Madya Dr Murniati Mukhlisin (Rektor, Universiti Tazkia Indonesia), Prof Dr Abdelaziz Berghout (UIAM), Prof. Madya Dr Norazharuddin Shah Abdullah (AKEPT), En Simon Benjamin (Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia), Dr Ina Md Yasin (UKM), Prof Emerita Tan Sri Datuk Dr Mazlan Othman (Pejabat Wilayah Asia dan Pasifik), Dato' Dr.



Shazelina Zainul Abidin (Kementerian Luar Negeri Malaysia), Prof. Dato' Sri Dr. Syed Abdullah Idid (UIAM), Prof. Dato' Dr Noor Inayah Ya'akub (Infrastruktur Universiti Kuala Lumpur), Prof. Catherine Odora Hoppers (Yayasan Penyelidikan Kebangsaan Afrika Selatan), dan En. Razi Pahlavi Abdul Aziz (Pertubuhan Bantuan Perubatan Malaysia) atas masa dan pandangan berharga mereka semasa RTD. AKEPT berterima kasih atas penglibatan aktif dan sumbangan pakar mereka pada setiap sesi.

Kami berharap pengetahuan yang dikongsi oleh pakar mengenai pandangan dan strategi mereka sebagai pemimpin telah menjadi salah satu platform perkongsian terbaik

dalam mencadangkan cadangan untuk dasar, garis panduan dan intervensi yang berkesan berkaitan dengan topik yang dibincangkan. AKEPT tidak sabar untuk menganjurkan lebih banyak program untuk menyebarkan ilmu kepimpinan di seluruh dunia.



8 - 9 Mac 2023 - AKEPT dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah berjaya melaksanakan dua program serentak pada , iaitu Bengkel Pembangunan Modul Program Kelestarian Pendapatan Universiti melalui Integrasi Zakat, Wakaf dan Endowmen (IZaWEn) (Siri 2) serta Program Pembangunan Kerangka Penilaian Keberkesanan Latihan Kepimpinan AKEPT (PKPK) (Siri 3).



Selanjutnya, program AKEPT diteruskan di Tasik Kenyir, Terengganu dengan pelaksanaan Program Experiential Adaptive Leadership Lab (EAL Lab) yang melibatkan SME IZaWEn dan peserta PKPK pada 10 dan 11 Mac 2023.

Pelaksanaan kedua-dua program ini telah dimulakan dengan Ucapan Pembukaan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Azila binti Ahmad Sarkawi, Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan, AKEPT di Pusat Konvensyen Universiti Malaysia Terengganu (UMTCC) pada 8 Mac 2023.

Bengkel Pembangunan Modul IZaWEn (Siri 2) telah dihadiri oleh 31 orang Pakar Bidang Khusus (SME) manakala Program PKPK (Siri 3) telah dihadiri oleh 18 orang peserta.



15 - 17 Mac 2023 - AKEPT dengan kolaborasi Putra Business School (PBS) dan Persatuan Penulis Kes Malaysia (CWAM) telah berjaya menganjurkan Bengkel Penulisan Kes Kepimpinan Institusi Pengajian Tinggi (Fasa Kedua). Bengkel ini merupakan kesinambungan daripada bengkel penulisan kes fasa pertama yang telah diadakan pada November tahun 2022 yang lalu. Ia telah disertai oleh para peserta yang sama daripada fasa satu yang terdiri daripada ahli akademik dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta tempatan.

Bengkel ini telah melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran dalam penulisan kes yang melibatkan pengenalan pelbagai jenis kajian kes. Fasa kedua bengkel ini yang telah dijalankan selama tiga hari memberi fokus kepada pembentangan draf penulisan kes, sesi kritik, maklum balas, dan perbincangan.



Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada fasilitator program, Profesor Dr. Zainal Abidin Mohamed (Putra Business School / Presiden CWAM), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff (Putra Business School), Prof. Dr. Maheswari Kandasamy (Open University Malaysia) dan Prof. Madya Dr. Hossein Nezakati Alizadeh (Sunway University) untuk segala komitmen dan perkongsian yang diberikan.

AKEPT mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini, terutamanya peserta yang telah memberikan masa dan komitmen yang berharga. Terima kasih juga kepada urusetia dan jawatankuasa dari Pusat Kelestarian Kepimpinan, AKEPT. Kami berharap ilmu yang dikongsikan berkenaan penulisan kes kepimpinan institusi pengajian tinggi akan memberi manfaat sebagai ahli akademik mahupun pentadbir di institusi masing-masing. Tahniah diucapkan buat semua peserta!



12 - 18 Mac 2023 - Program International Deans' Course: Malaysian Chapter (MyIDC) Kohot 3 (Siri 3) telah berjaya diadakan di Universiti Utara Malaysia mulai 12 hingga 18 Mac 2023 dan telah dihadiri oleh 25 peserta daripada pelbagai universiti seluruh Negara. Pada siri ini, peserta didedahkan dengan kemahiran kepimpinan terkini dan kaedah penyelesaian terbaik bagi perkara berbangkit di universiti masing-masing.




Perasmian program ini telah dilaksanakan oleh YBrs. Prof. Dr. Ahmad Martadha bin Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UUM pada 12 Mac 2023 serta dihadiri oleh YBrs. Prof. Dr. Shahrul Razid Sarbini, Pengarah Kampus Bintulu, UPM selaku Ketua Program MyIDC. Majlis perasmian program ini turut diserikan dengan persembahan tarian yang dijayakan oleh peserta MyIDC sendiri.

20 Mac 2023 - AKEPT dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah berjaya menganjurkan siri kedua Webinar on Climate Leaders: Leading the Action Against Climate Change dengan topik “Peranan Universiti dalam Pertempuran Perubahan Iklim: Kepimpinan daripada Universiti ASEAN” dengan jayanya secara atas talian di platform Zoom, juga ditayangkan secara langsung di laman Facebook rasmi UKM. Siri kedua webinar ini telah membahaskan peranan besar universiti dalam meneroka pelbagai cara untuk berhadapan dengan perubahan ini yang mendesak terhadap keperluan kepimpinan yang berkualiti di dalam menentukan visi dan matlamat yang lebih jelas dalam menghadapi sempadan baharu.



Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada para ahli panel; Prof. Madya Datuk Ts. Dr. Ramzah Dambul (Institut Kajian Pembangunan Sabah), LAr. James Christopher P. Buno (Universiti Filipina Diliman, Filipina), Profesor Djoko Santoso Abi Suroso (Institut Teknologi Bandung, Indonesia), Profesor Banchong Mahaisavariya (Mahidol University, Thailand) bersama-sama moderator; Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim (Universiti Kebangsaan Malaysia) untuk segala komitmen dan perkongsian yang diberikan.



AKEPT mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini, terutamanya para peserta yang telah memberikan masa dan komitmen yang berharga. Terima kasih juga kepada urusetia dan jawatankuasa dari Institut Perubahan Iklim (IPI) UKM dan AKEPT, terutamanya dari Pusat Kelestarian Kepimpinan. Kami berharap perkongsian pengalaman dan ilmu oleh para ahli panel mengenai pandangan serta strategi dalam melaksanakan peranan kritikal universiti terutamanya berkenaan pendidikan perubahan iklim serta memanfaatkan kuasa transformatifnya akan memberi kesan kepada komuniti yang mampan. Kami di AKEPT akan menjuarai agenda penghasilan, pengembangan, penyebaran dan pengarkiban ilmu berkenaan Kepimpinan, di seluruh negara, ASEAN dan serata dunia.